



SIARAN MEDIA

TASK FORCE PERGIATKAN USAHA PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGGALAI

KUALA LUMPUR, 6 Jun 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mempengerusikan mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan TerbenGGalai Bil. 5 Tahun 2023 pada 24 Mei 2023 yang lalu dan mesyuarat telah mengesahkan statistik terkini status projek perumahan sakit dan terbenGGalai.

Sehingga 30 April 2023, *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan TerbenGGalai telah mengesan dan memantau sebanyak 141 projek lewat, 481 projek sakit serta 112 projek terbenGGalai. Secara keseluruhan, sebanyak 118 projek perumahan swasta telah berjaya dipulihkan sehingga menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance, CCC*) atau berstatus lancar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 projek (2,749 unit) berjaya dipulihkan untuk tempoh 31 Mac 2023 hingga 30 April 2023 yang mana nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value – GDV*) adalah sebanyak RM2.722 billion.

Task Force terus meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan kaedah pengesanan projek yang berstatus sakit mengikut umur (*aging*) sesuatu projek tersebut berada dalam kategori sakit, jenis-jenis projek perumahan sama ada rumah bertanah atau bertingkat. Tujuan pengesanan yang lebih terperinci ini bertujuan supaya *Task Force* dapat mencari punca dan kaedah pemantauan yang lebih berkesan.

Menurut YB Timbalan Menteri, "Kerjasama erat bersama agensi teknikal merupakan usaha yang proaktif dan memberikan output yang positif. Hasilnya dalam pertemuan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 22 Mei 2023 yang lalu, daripada 44 projek perumahan swasta sakit yang mempunyai isu melibatkan TNB, sebanyak 21 projek telah berjaya diselesaikan".

Seterusnya pasukan *Task Force* akan terus mempergiatkan libat urus dengan agensi-agensi teknikal yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan agensi-agensi teknikal yang lain mengikut keutamaan. Pasukan *Task Force* yakin selain daripada turun padang melawat ke tapak projek, pendekatan libat urus ini akan menjadikan projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai akan dapat ditangani dengan lebih efektif di masa hadapan.

Penyiapan projek perumahan merupakan tanggungjawab pemaju manakala *Task Force* sentiasa bersedia menjadi pemudahcara dalam menyelesaikan urusan yang berkaitan dengan kementerian termasuk agensi-agensi berkaitan bagi tujuan mempercepatkan proses penyiapan dan memperoleh CCC. YB Timbalan Menteri juga menyeru agar pihak berkuasa negeri turut sama berganding bahu dalam menangani masalah yang dihadapi oleh projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

